

BAHAGIAN A
(20 markah)

Soalan 1 hingga Soalan 19

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 "Beta ingin _____ sekarang kerana hari sudah larut malam," titah Sultan kepada pegawai istana baginda.
A beradu
B bertitah
C bersiram
D berangkat

- 2 Puan Jastin sedang sibuk _____ juadah makan tengah hari untuk keluarganya yang akan pulang tidak lama lagi.
A menyudipkan
B mencedokkan
C menyusunkan
D menghidangkan


- 3 Tapak tangan emak saya _____ selepas mencangkul tanah untuk membuat batas di kebun sayurnya petang tadi.
A melecet
B meretak
C merekah
D menggerutu

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



- 4 Opah Kamariah _____ adunan tepung itu bulat-bulat lalu dimasukkan ke dalam air yang sedang mendidih.

- A menguli
- B menebar
- C mencanai
- D menggentel



- 5 Aliran air sungai itu menjadi semakin perlahan apabila sampai di kawasan _____ sungai yang dipenuhi sampah sarap.

- A hulu
- B kuala
- C tebing
- D pinggir

- 6 Sebelum majlis bermula, keadaan di luar dewan agak _____ dengan paluan kompong sebagai persediaan menyambut tetamu kehormat.
- A huru-hara
B kucar-kacir
C kacau-bilau
D hiruk-pikuk
- 7 Pasukan tentera terpaksa melepaskan beberapa das tembakan ke arah se _____ lanun yang cuba menggugat keselamatan nelayan Malaysia di perairan Selat Melaka.
- A kawan
B deretan
C angkatan
D gerombolan
- 8 Harga _____ pisang emas ialah seringgit lima puluh sen manakala _____ pisang emas pula ialah lapan ringgit.
- A sebiji ... sesisir
B sebutir ... sesikat
C sesisir ... setandan
D sebutir ... setandan
- 9 Semasa bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran sekolah, janganlah pula ada yang mengambil kesempatan untuk _____.
- A mandi peluh
B langkah kiri
C akal kancil
D curi tulang

- 10 Para penonton tidak berpuas hati dan mempertikaikan keputusan pengadil pertandingan bola sepak itu _____ .
- A berat sebelah
B berat tangan
C berat tulang
D berat hati
- 11 Drama "Rindu Bertamu Di Abu Dhabi" telah ditayangkan di TV3 _____ minggu lepas.
- A dari
B pada
C sejak
D selama
- 12 Pokok renek yang rimbun dan berwarna-warni itu _____ rumah bangle Datin Zawiyah.
- A dipagari
B memagari
C dipagarkan
D memagarkan
- 13 Baru-baru ini Persatuan Bahasa Melayu SK Telok Bakong telah berjaya _____ lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur yang _____ oleh empat puluh orang murid.
- A diadakan ... disertai
B keadaan ... disertakan
C mengadakan ... disertai
D pengadaan ... disertakan

Soalan 14 dan 15

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- 14 I Pertanyaan wartawan hiburan itu sulit untuk dijawab.
II Opah Leha menyimpan barang kemasnya di tempat sulit.
III Abdul Rahman sulit wang selepas dia diberhentikan kerja.
IV Maklumat sulit itu tidak boleh dihebohkan kepada orang ramai.
- A I dan III
B II dan IV
C I, II dan IV
D I, III dan IV
- 15 I Sejak akhir-akhir ini cuaca pada waktu senja sangat cerah .
II Pakaian berwarna cerah yang dikenakan amat sesuai dengan kulitnya itu.
III Berikan penerangan itu dengan cerah supaya mudah difahami oleh murid-murid.
IV Masa hadapannya cerah apabila berjaya mendapat ijazah dalam bidang perubatan.
- A I dan III
B II dan IV
C I, II dan III
D II, III dan IV

Pilih **soalan** yang paling sesuai bagi **jawapan** yang diberikan.

- 16 Setiap hari Isnin murid-murid akan menyanyikan lagu “Malaysia Berjaya” di Ujana Minda.

Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di atas.

- A Bilakah lagu “Malaysia Berjaya” dinyanyikan?
B Di manakah lagu “Malaysia Berjaya” dinyanyikan?
C Bila dan di manakah lagu “Malaysia Berjaya” dinyanyikan?
D Bila dan mengapakah lagu “Malaysia Berjaya” dinyanyikan?

Soalan 17 hingga Soalan 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

CUTI-CUTI MALAYSIA
Keindahanmu Mempesona

PAKEJ ISTIMEWA

2 Hari Di Tasik Banding	-	RM300.00
2 Hari Di Pulau Redang	-	RM450.00
2 Hari Di Pulau Perhentian	-	RM450.00
2 Hari Di Taman Negara	-	RM230.00
3 Hari Di Kota Kinabalu	-	RM900.00

Pakej istimewa ini hanya ditawarkan untuk tempoh sebulan dari tarikh iklan ini. Kadar yang berbeza akan dikenakan selepas tamat tarikh promosi.

Kami menawarkan pakej percutian dan pakej pelancongan yang mudah, murah, dan meriah. Pilihlah destinasi yang menawan hati anda. Destinasi yang mengembalikan *keceriaan hidup anda!* Pihak kami akan menguruskan tentang pengangkutan, penginapan dan makanan.

Habiskan percutian anda dan keluarga anda bersama-sama kami. Buatlah tempahan anda sekarang. (Tempahan boleh dibuat mulai 7 November 2005).

Hubungi kami di alamat berikut: Pejabat cawangan kami

Syarikat Kembara Sdn. Bhd.
No. 240, Lorong Tengah,
Taman Tun Dr. Ismail,
54000 Kuala Lumpur.

Negeri Sembilan – 06-4573439
Pulau Pinang - 04-7245688
Johor Bahru - 07- 2229770
Kuala Terengganu – 09 – 5654422

Telefon : 03-28222468/019-5432775 (cuti-cut Malaysia – Keindahan Mempersona

- 17 Kos percutian di Kota Kinabalu tiga kali ganda daripada kos percutian di Tasik Banding
- A kerana jumlah hari percutian yang berbeza.
B kerana jarak serta tempoh bercuti yang berbeza.
C kerana terdapat pelbagai kemudahan di Kota Kinabalu.
D kerana tambang pesawat untuk ke Kota Kinabalu mahal.
- 18 Perkhidmatan yang disediakan oleh agensi pelancongan itu ialah
- A Makanan, penginapan, dan perhubungan.
B Pengangkutan, penginapan, dan makanan.
C Pengangkutan, tempat tinggal, dan hiburan.
D Tempat tinggal, makanan, dan penginapan.
- 19 Perkataan *keceriaan* dalam petikan bermaksud
- A keriangan.
B kecantikan.
C kebersihan.
D ketenangan.
- 20 Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang petikan di atas.
- A Pelancong dijangka akan ramai kerana tawaran yang diberikan amat istimewa.
B Kebanyakan tempat pelancongan terletak di Pantai Barat Semenanjung Malaysia.
C Tempahan ke tempat pelancongan itu juga boleh dibuat melalui pejabat cawangan.
D Pelancong bebas memilih destinasi yang diminati serta tawaran pakej yang menarik.

KERTAS SOALAN TAMAT